

01/04/1997

Jadikan hutan sebagai sumber pelancongan

Kamal Ahmad

KEINDAHAN alam negara perlu dinikmati seluruh rakyat. Hutan tropika dan bakau, sungai, gunung-ganang dan bukit-bukau, tanah tinggi, gua, air terjun, flora dan fauna serta haiwan yang menghuni di kawasan itu adalah anugerah tidak ternilai daripada Allah yang perlu dimanfaatkan.

Tiada ertinya alam semula jadi hanya dijadikan polemik dan sasaran kritik kumpulan ekstrim yang mahu ia dikekalkan. Namun ketegasan dan logik pendirian Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, adalah pendekatan paling wajar bagaimana alam semula jadi bukan sekadar dipelihara malah dijadikan aset dan modal penduduk untuk menjana pendapatan khususnya di bidang pelancongan.

Perdana Menteri berkata, jalan perlu dibina di tanah tinggi Banjaran Titiwangsa untuk membolehkan rakyat bercuti di Genting Highland-Bukit Fraser-Cameron Highland dengan lebih mudah serta selesa. Dengan jalan yang baik, rakyat boleh bercuti dan menikmati keindahan alam serta menghirup udara sejuk tanpa ke Eropah.

Memang diakui, setiap pembangunan sesuatu kawasan akan mengorbankan alam sekitar. Tetapi dasar ketat kerajaan memastikan kerosakan alam sekitar hanya di tahap paling minimum. Penebangan pokok dan meneres bukit dibuat jika perlu.

Adalah tidak bermakna jika ada kawasan cantik dan menarik hanya boleh dikunjungi dengan meredah hutan dan mendaki gunung. Kata Dr Mahathir, tidak ada gunanya menceritakan kelazatan aiskrim sedangkan seseorang itu tidak berpeluang menikmatinya. Begitu juga tidak ada maknanya menceritakan tempat cantik dan indah sedangkan orang lain tidak boleh ke sana.

Adalah tidak benar dengan membina jalan ke kawasan tertentu maka keaslian alam semula musnah. Harus diingat pembangunan setiap kawasan adalah di bawah kuasa kerajaan negeri selepas mengambil kira kajian kewajarannya, pelan pembangunan serta laporan kesan alam sekitar. Sebarang cadangan pembangunan yang tidak munasabah dan menyebabkan kemusnahan, sudah pasti boleh ditolak. Dengan cara itu keaslian tetap terpelihara.

Lebih 70 peratus keluasan muka bumi negara masih dilitupi pokok termasuk 2.63 juta hektar yang dilindungi khusus melalui Akta Perhutanan Negara, Akta Perhilitan dan Akta Taman Negara. Selain itu, dasar penebangan yang efisien dan sistematik iaitu hanya antara tujuh dan 12 pokok ekonomikal sahaja dibenarkan ditebang bagi satu hektar turut membantu pemuliharaan hutan.

Hutan adalah habitat beribu-ribu flora dan fauna selain mempunyai peranan tersendiri dalam ekosistem. Ia menjadi sumber penyelidikan dan pembangunan, pemangkin bagi keseimbangan ekosistem dan iklim global, sumber oksigen berterusan, sumber air, pengekalan pusingan hidrologi, kawalan biologiikal dan santuari spesies ganjil.

Dalam konteks lain, alam semula jadi adalah sumber yang perlu dimanfaatkan dari segi ekonomi untuk menjana pendapatan penduduk khususnya di bidang pelancongan.

Dalam konteks ini, Taman Negara adalah lokasi paling sesuai dimanfaatkan sebagai modal menggerakkan keusahawanan pelancongan. Dengan unjuran 12.5 juta pelancong yang akan datang ke negara ini pada tahun 2000 dan memberi pendapatan RM15.7 bilion; industri pelancongan mampu memberi pendapatan kepada sesiapa yang mengusahakan kegiatan terbabit sekalipun seorang pemilik perahu di Sungai Tembeling atau Rejang yang membawa pelancong ke Taman Negara.

Ekotourisme khususnya di Taman Negara perlu diperhebatkan. Banyak yang boleh diterokai di belantara berusia lebih 100 juta tahun itu yang menjadi habitat 10,000 spesies tumbuhan berbunga.

Di hutan pelancong boleh didedahkan kepada lebih 1,200 pokok yang berpotensi menjadi ubat. Meninjau 200 spesies mamalia, 600 spesies burung, 115 spesies ular, 80 spesies katak, 400 spesies rotan, 200 spesies buah-buahan dan 800 pokok balak.

Kepesatan pelancongan di Taman Negara hanya boleh berlaku dengan:

- \* Membina laluan keluar masuk yang selesa, mudah dan selamat sama ada darat, udara dan air;
- \* Menyediakan kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik, telefon awam dan selular;
- \* Menyediakan persekitaran yang boleh menarik kumpulan lebih kecil seperti keluarga yang berminat mengalami kegiatan kembara pada tahap minimum;
- \* Menawarkan konsep percutian tertentu berasaskan alam sekitar;
- \* Menyediakan pusat maklumat dan papan tanda selengkap mungkin mengenai spesies yang ada;
- \* Menganjurkan pesta tahunan seperti flora, burung, serangga, orkid, kraftangan dan hasil hutan serta pertandingan kembara; dan
- \* Menubuhkan pusat penyelidikan bagi sektor tertentu sama ada haiwan, tumbuhan dan alam.

Dalam kes ini, Taman Negara Jerantut, Pahang, boleh dijadikan contoh. Ketika ini, laluan masuk ke Taman Negara itu ialah menaiki bot panjang hampir dua jam setengah dari Kuala Tembeling ke Kuala Tahan. Namun ada jalan tanah merah yang boleh dilalui kenderaan pacuan empat roda menghubungkan destinasi yang sama melalui Kampung Piol ke Sungai Retang dan Kampung Kuala Tahan sejauh 50 kilometer.

Jika ada niat mahu menambah lebih ramai pelancong ke Taman Negara Jerantut, kerajaan perlu membina jalan raya yang lebih baik. Jalan itu bukan saja untuk kemudahan keluar masuk pengunjung malah lebih 3,000 penduduk di Kampung Kuala Tahan, Kampung Tekah, Kampung Beleban dan Kampung Padang selain kampung di sepanjang Sungai Tahan iaitu Pagi, Kuak Sat, Gusai dan Mat Daling yang kini terpaksa mengambil masa tujuh jam ke Kuala Tahan.

Lebih ramai pelancong semakin murah rezeki penduduk. Bukan setakat membawa bot pelancong boleh mendatangkan hasil sehingga RM250 sehari bahkan kulit biji getah pun berharga RM6 apabila ia dijadikan rantai kunci yang tertera perkataan 'Taman Negara Pahang'.

Hutan Taman Negara Pahang berusia 130 juta tahun itu menyimpan khazanah yang tidak ada di negara lain. Ada 28 destinasi menarik dalam taman itu yang jaraknya antara 500 dan 50 kilometer dari Taman Negara Resort di Kuala Sungai Tahan yang bertemu Sungai Tembeling iaitu pintu masuk ke Taman Negara Jerantut.

Dengan membawa masuk lebih ramai pengunjung, sumber semula jadi di Taman Negara bukan saja boleh memberi pendapatan malah dijadikan alat memperjelas semula kesilapan media dan masyarakat Barat yang beranggapan hutan tropika negara ini sudah musnah.

Kedatangan 40,000 pengunjung yang 90 peratus pelancong asing ke Taman Negara Pahang, umpamanya, boleh diambil kesempatan untuk menerangkan semula kekeliruan itu. Taman Negara Resort menyediakan pelbagai kegiatan kepada pengunjung dan tiap satu membawa masuk wang. Meninjau waktu dengan berjalan kaki, meredah hutan, meredah jeram, berkelah di air terjun, melawat kampung tradisi, eksplora gua dan berkenu, berakit di sungai dan mendaki gunung adalah antara produk Taman Negara yang boleh dijual kepada pelancong.

Pengusaha resort dan chalet di Taman Negara juga perlu kreatif untuk

menarik lebih ramai pengunjung seperti membina zoo dan taman botani mini, akuarium serta lanskap untuk memberi pendedahan yang lebih mudah kepada pengunjung.

Dengan meneroka Taman Negara, pelancong melalui pengalaman dan mengakui sendiri bahawa kerajaan mempunyai komitmen yang tinggi mewujudkan kawasan hutan mampan.

Mungkin wajar kerajaan menaja environmentalis asing melawat hutan dan Taman Negara supaya mereka memperolehi maklumat dari sumber pertama.

Begitu juga, alam semula jadi di Taman Negara Endau-Rompin, Tanjung Piai, Pulau Kukup dan Gunung Ledang di Johor (48,905 hektar); Taman Negara di Kelantan (108,783 hektar); sembilan Taman Negara di Sarawak iaitu Bako, Kubah, Gunung Gading, Mulu, Niah, Similajan, Loagan Bunut dan Batang Ai; Taman Negara Kinabalu, Bukit Lambar dan Hutan Simpan Sipilok di Sabah; semuanya perlu dimanfaatkan. Taman Negara itu mempunyai keistimewaan masing-masing yang boleh dijadikan daya penarik.

(END)